

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PENANG PORT SDN. BHD.

NOORSHANITA BINTI SAARI

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100032950

1100032950

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengarang Nootshanita bin Sani		No. Panggilan LP 8 FPE10	
Judul Industri di Perang Port Sdn. Bhd.		2004	
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan
12/07/06	12-07-06	UM 9348	



LI 8 FPE 3 2004



1100032950
Laporan akhir latihan industri di Penang Port Sdn. Bhd /
Noorshanita Saari.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100032950	

Lihat sebelah

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PENANG PORT SDN. BHD

**OLEH
NOORSHANITA BINTI SAARI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2004

1100032950

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Noorshanita Binti Saari**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: NOORSHANITA BINTI SAARI

Tarikh: 14 OKTOBER 2004

Disahkan oleh:



Encik Madzli Bin Haji Harun

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi dengan limpah dan kurnianNya Laporan Akhir Latihan Industri ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Terlebih dahulu pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Latihan Industri (LI) iaitu Encik Madzli b. Haji Harun diatas tunjuk ajar beliau dalam memastikan laporan akhir ini dapat disiapkan dengan sempurna. Beliau telah banyak membantu pelatih dari segi nasihat dan dorongan, pandangan idea, dan juga sudi meluangkan masa untuk membantu pelatih dalam menyiapkan laporan akhir ini.

Pelatih juga ingin merakamkan setinggi - tinggi ucapan penghargaan kepada pihak Penang Port Sdn. Bhd kerana sudi memberi peluang kepada pelatih untuk menjalani Latihan Industri di Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) selama 12 minggu bermula pada 22hb Mac 2004 sehingga 12hb Jun 2004. Tidak lupa juga buat penyelia Latihan Industri iaitu Kapten Ruslan bin. Aziz (Ketua Perkhidmatan Marin). Terima kasih diatas didikan dan tunjuk ajar, nasihat serta dorongan daripada beliau selama pelatih berada di bawah penyeliaan beliau. Tidak ketinggalan juga kepada Encik Abdul Rahim Abdul Halim (Unit Perkhidmatan Feri), Encik Lim Gim Eng (Unit Perkhidmatan Kontena), Encik Boon Chin Teck (Unit Perkhidmatan Kargo), dan semua kakitangan Penang Port Sdn. Bhd yang banyak memberikan bimbingan,

nasihat dan tunjuk ajar secara langsung atau tidak langsung semasa pelatih berada di sana. Kerjasama daripada semua pihak amat dihargai.

Pelatih juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada warga Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi terutamanya Ahli Jawatan Kuasa Latihan Industri yang turut menjayakan Latihan Industri ini.

Terima kasih yang tak terhingga buat Ibunda Zainab Binti Taib, Ayahanda Saari Bin Jusoh dan keluarga tercinta di atas segala sokongan moral selama ini dalam memastikan kejayaan pelatih dalam apa jua bidang yang diceburi.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan ini pelatih ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam usaha membantu pelatih menyiapkan laporan ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada kalian maka tugas ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Jasa baik kalian tidak mungkin dilupakan. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi dan jasa baik kalian.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
DEDIKASI	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
RINGKASAN EKSEKUTIF	x
BAB SATU	
1.0 PENGENALAN	1
1.1.1 SEJARAH PELABUHAN PULAU PINANG	1
1.1.2 SEJARAH PERKHIDMATAN FERI PULAU PINANG	3
1.1.3 LOKASI	4
1.1.4 PEMILIKAN	5
1.1.5 MISI DAN VISI SYARIKAT	6
1.1.6 PENSTRUKTURAN ORGANISASI	7
1.1.7 KEKUATAN ORGANISASI	9
1.1.8 SISTEM YANG DIGUNAKAN	12
1.1.9 TUMPUAN PASARAN	14

1.1.10	PENDEKATAN UNTUK MEMAJUKAN ORGANISASI	16
1.2	MAKLUMAT ORGANISASI	19
1.3	AKTIVITI SYARIKAT	22
1.3.1	PERKHIDMATAN KONTENA	22
1.3.2	PERKHIDMATAN KARGO	23
1.3.3	PERKHIDMATAN FERI	24
1.3.4	PERKHIDMATAN PAMALIMAN DAN PENUNDAAN	25
1.3.5	MEMBAIK PULIH KAPAL	28
1.3.6	HAIKROLOGI DAN DREDGING	30
1.4	KEMAHIRAN YANG INGIN DI PELAJARI	33
 BAB DUA		
2.0	PENGENALPASTIAN MASALAH DI UNIT	35
	PERKHIDMATAN KONTENA	
2.1.1.	PROSES PENGENDALIAN KONTENA	35
2.1.2.	PROSES PENGENDALIAN KONTENA EKSPORT	39
2.1.3.	PENEMUAN MASALAH DAN CADANGAN	43
	PENYELESAIAN MASALAH	
2.2.0	PENEMUAN MASALAH DI UNIT PERKHIDMATAN FERI	51
2.2.1	SISTEM PERJALANAN FERI	52
2.2.2	PENGENALPASTIAN MASALAH	54
2.2.4	CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH	58
2.2.5	IMPLIKASI PELAKSANAAN CADANGAN	59

2.2.0	PENEMUAN MASALAH DI PUSAT	61
	KAWALAN PELABUHAN	
2.3.1	PUSAT KAWALAN PELABUHAN	61
2.3.2	TUGAS KERANI KANAN OPERASI	62
2.3.3	PENGENALPASTIAN MASALAH	63
2.3.4	CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH	68
2.3.5	IMPLIKASI PELAKSANAAN CADANGAN	68

BAB TIGA

3.0	PENUTUP	70
3.1	CADANGAN KESELURUHAN DAN PENUTUP	70
	LATIHAN INDUSTRI	

RUJUKAN

LAMPIRAN

Ku dedikasikan...

Sekalung budi buat Ayahanda serta bonda... Saari Bin Jusuh dan Zainab binti Taib yang sentiasa merestui perjuangan ini..

Selaut kasih buat insan tersayang Mohd Hisyam, Syarina, Norshahida, Solehah dan Syakiroh yang sentiasa memahami diri ini.

Buat insan yang banyak membantu Zulkify, terima kasih diatas pengorbananmu dan semoga mendapat rahmat disebaliknya.

Jalinan mesra buat teman – teman teristimewa Lin, mayz, yan, Sad, Saba, Arin, Hajar, Wan, Nisa. Pengorbanan kalian tetap dalam ingatan.

SENARAI JADUAL

PERKARA	MUKA SURAT
JADUAL 1: JADUAL OPERASI FERI	53
JADUAL 2: KADAR TAMBANG FERI	56
JADUAL 3: KADAR TOL JAMBATAN PULAU PINANG	57

SENARAI RAJAH

PERKARA	MUKA SURAT
RAJAH 1	
KEMASUKAN KAPAL KE PELABUHAN	
PULAU PINANG PADA TAHUN 1787	1
RAJAH 2	
PEMBUKAAN TERUSAN SUEZ	3
RAJAH 3	
LOGO PENANG PORT SDN. BHD	7
RAJAH 4	
KAWASAN PERTUMBUHAN SEGITIGA	
INDONESIA – MALAYSIA – THAILAND	14
RAJAH 5	
PROSES PENGENDALIAN KONTENA	38
RAJAH 6	
PROSES PENGENDALIAN KONTENA EKSPORT	42
RAJAH 7	
STATISTIK PENGGUNAAN PERKHIDMATAN	
FERI	60
RAJAH 8	
PERLAKSANAAN INTERKSI DI PUSAT KAWALAN	
PELABUHAN	65
RAJAH 9	
PROSES KOMUNIKASI	67

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan salah satu syarat wajib yang perlu diambil oleh mahasiswa bagi memenuhi jam kredit didalam bidang masing – masing di samping perlu menyediakan Laporan Akhir Latihan Industri. Pelatih akan ditempatkan selama 12 minggu di sesebuah organisasi yang berkaitan bagi menjalani Latihan Industri untuk mempraktikkan teori yang dipelajari semasa kuliah. Laporan Akhir Latihan Industri ini secara keseluruhannya dirangka hasil daripada penglibatan pelatih dalam syarikat melalui pengamatan, pemerhatian, penelitian, dan pemahaman pelatih sepanjang tempoh Latihan Industri tersebut. Secara umumnya Laporan Akhir Latihan Industri ini mengandungi tiga bab utama iaitu Bab Satu, Bab Dua dan juga Bab Tiga. Di awal Bab Satu Laporan Akhir Latihan Industri ini menyentuh tentang sejarah pembukaan Pelabuhan Pulau Pinang, pengenalan kepada Penang Port Sdn. Bhd, latar belakang syarikat, misi dan juga visi syarikat serta aktiviti – aktiviti yang dijalankan oleh syarikat dan kemahiran yang ingin dipelajari oleh pelatih. Manakala di dalam Bab Dua pula, dinyatakan mengenai analisa sistem kerja yang sedia ada yang digunakan oleh syarikat bagi memastikan perjalanan kerja dapat dilakukan dengan sistematik dan teratur. Sistem kerja pertama yang dianalisa ialah seperti sistem kerja pengendalian kontena eksport iaitu di bahagian Unit Perkhidmatan Kontena manakala pengenalanpastian sistem kerja yang ke dua ialah sistem kerja pengendalian operasi sesebuah feri di Unit Perkhidmatan Feri dan akhir sekali ialah pengenalanpastian sistem kerja di pusat kawalan pelabuhan di Unit Perkhidmatan Marin. Di dalam Bab Dua juga turut diketengahkan beberapa masalah dan kelemahan sistem kerja tersebut hasil daripada analisa yang dibuat dan beserta dengan ini juga pelatih telah mengemukakan beberapa cadangan dan pandangan idea bagi memebantu syarikat supaya terus aktif di dalam melaksanakan operasinya. Harapan pelatih semoga dengan pandangan dan idea yang diutarakan ini dapat membantu syarikat supaya terus maju dalam dunia perniagaan di masa akan datang. Di akhir bab ini, pelatih telah membuat kesimpulan dan cadangan secara keseluruhan bagi menutup Laporan Akhir Latihan Industri.